

PELANCARAN OPS RAYA 2017



YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Ops Raya 2017 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 13 Jun 2017 di Pasar Raya Besar Aeon Shah Alam, Selangor.

Majlis turut dihadiri oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YAS Datuk Wira Haji Wan Mohd. Nor bin Haji Ibrahim (Ketua Pengarah, JBPM).

JBPM akan melaksanakan Ops Raya 2017 secara bersepadu bersama agensi-agensi lain selama 15 hari, mulai 18 Jun hingga 2 Julai 2017. Ops Raya 2017 dilancarkan bagi memastikan bantuan kecemasan dapat diberikan dengan segera jika berlaku kemalangan.



Sebanyak 11,200 pegawai dan anggota JBPM iaitu merangkumi 80 peratus daripada jumlah keseluruhan pegawai dan anggota bomba di seluruh negara akan bertugas sepanjang Ops Raya 2017. Pegawai dan anggota JBPM akan bertugas selama 24 jam secara bergilir-gilir sebagai persediaan menangani insiden melibatkan kebakaran serta kerja menyelamatkan seperti kemalangan jalan raya dan sebagainya. Dalam operasi ini juga, sebanyak 284 balai bomba dan penyelamat di seluruh negara akan beroperasi selama 24 jam bagi memastikan bantuan kecemasan dapat diberikan dengan segera khususnya di jalan-jalan persekutuan dan negeri

JBPM juga telah mengenal pasti sebanyak 19 lokasi strategik iaitu 15 lokasi di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan empat (4) lokasi di Lebuhraya Pantai Timur (LPT) untuk menempatkan anggotanya. Satu (1) unit Fire Rescue Tender (FRT) dengan kekuatan tujuh (7) orang pegawai serta satu (1) unit Perkhidmatan Perubatan Kecemasan (EMRS) dengan tiga pegawai akan ditugaskan di setiap lokasi yang terlibat.

Orang ramai yang ingin pulang ke kampung dinasihatkan supaya memastikan suis utama elektrik kediaman dan palam perkakasan elektrik yang tidak digunakan dicabut dari soket. Orang ramai juga digalakkan menyediakan alat pemadam api yang bersesuaian di dalam kenderaan sebagai langkah awal keselamatan sekiranya berlaku sebarang kecemasan.

